

SOALAN NO. 81**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN :** LISAN**DARIPADA :** YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]**TARIKH :** 27 JULAI 2017**SOALAN :**

YB Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta PERDANA MENTERI menyatakan bahawa memandangkan isu 1MDB menjadi terlalu hangat di luar negara dan dalam negara yang menjelaskan ekonomi serta imej negara Malaysia; dan memandangkan bahawa Kerajaan melalui Ketua Audit Negara telah pun melengkapkan penyiasatannya ke atas 1MDB, bersediakah Kerajaan membentang laporan tersebut kepada Parlimen seperti dikehendaki oleh Perlembagaan Malaysia. Nyatakan alasan kukuh mengapa Laporan Audit itu diklasifikasikan sebagai rahsia negara dan diletak bawah "OSA".

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan ke atas 1MDB telah dijalankan oleh beberapa agensi yang berkaitan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB adalah khusus untuk Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC). Laporan tersebut telah dibincangkan oleh PAC sebelum memuktamadkan Laporan PAC berkenaan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB yang telah dibentangkan di Parlimen pada 7 April 2016.

Sekian, terima kasih.